

Pelabuhan Kuantan punca kemajuan Pahang: PM

Oleh FARUSH KHAN

KUANTAN, Ahad — Semua yang berurusan dengan kegiatan pelabuhan Kuantan bernilai lebih \$250 juta perlu menentukan kelikinan dan kelancaran perjalanan pelabuhan itu jika mereka mahu melihat perkembangan industri di Pahang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, "Pelabuhan yang terletak di Gebeng dekat sini itu mempunyai kesan kepada semua industri yang diusahakan di Pahang kini dan di masa hadapan.

Ketika merasmikan penutupan Konvensyen Umno Pahang di sini hari ini, Perdana Menteri mengingatkan mereka, pelabuhan adalah suatu industri besar.

"Tetapi pelabuhan cuma akan mendatangkan keuntungan kalau kapal-kapal sanggup berlabuh untuk memuat atau memunggah barang-barang," katanya.

Beliau menarik perhatian bahawa pelabuhan Kuantan akan menjadi pelabuhan perdana di Pantai Timur, tetapi kejayaannya tetap bergantung kepada kegigihan pentadbiran dan kakitangannya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa pelabuhan itu tidak akan dapat memberi sumbangan kepada negara bahkan akan menjadi beban sekiranya ia tidak dikendalikan dengan baik.

Beliau menasihatkan mereka mengawasi seba-

rang usaha pihak-pihak tertentu yang mungkin cuba menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pekerja-pekerja dengan bertopengkan perasaan simpati.

Perdana Menteri menjelaskan pelabuhan adalah suatu yang sensitif.

"Kalau ada ura-ura atau khabar-khabar angin tentang mogok atau sebagainya, perkara ini akan dilaporkan dalam berita perkapalan di seluruh dunia.

"Akibatnya, syarikat-syarikat perkapalan akan mengalihkan kapal-kapal mereka ke pelabuhan-pelabuhan lain," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap perkara seperti itu tidak berlaku di pelabuhan Kuantan kerana kejadian seperti itu hanya akan merugikan pelabuhan dan negara.

Katanya, sebarang masalah yang timbul boleh merugikan sesebuah pelabuhan beratus-ratus ribu ringgit dalam tempoh dua hari saja.

Katanya, pihak pekerja tidak perlu iri hati dengan kekayaan atau keuntungan yang diperolehi

'Jayakan rumusan diri'

Dari Muka 1

pihak majikan kerana lebih banyak mereka untung, lebih banyak kerajaan mendapat cukai daripada mereka.

Menteri Besar Datuk

Najib, yang juga Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Pahang, kemudian menyampaikan cek \$200,000 sumbangan UMNO Pahang untuk kompleks UMNO Malaysia. Sebanyak \$12,000

lagi juga diterima daripada pihak-pihak lain untuk projek itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad lalu mengajak setiap lapisan rakyat di negara ini mempunyai 'resolusi individu' yang perlu dilaksanakan dan dijayakan untuk faedah diri sendiri dan kepentingan negara.

Tegasnya, amalan dan minat menjayakan rumusan sendiri perlu, di samping membuat rumusan dan menyuruh orang lain menjayakannya.

Beliau menyentuh mengenai orang-orang yang tidak boleh membuat atau menjayakan sesuatu rumusan, tetapi menyuruh kerajaan melakukannya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Rajin selalu

Beliau, yang juga Presiden UMNO Malaysia dan Ketua Perhubungan UMNO Pahang menjelaskan cogan kata 'bersih, cekap dan amanah' banyak ditumpu kepada menteri-menteri, pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin-pemimpin lain.

"Tetapi setiap orang mesti bertanya diri sendiri pula apakah kita juga bersih, cekap dan amanah," ujarnya.

Beliau memberi contoh sekiranya seorang pekerja membuang masa bekerja dengan berehat saja sedangkan dia sepatutnya bekerja, ia bukan sahaja merugikan majikan tetapi juga negara.

Perdana Menteri menegaskan, "Tidak sulit untuk menjadi cekap dalam sesuatu bidang asalkan seseorang itu rajin dan sanggup menjalankan kerjanya berulang kali."

Negara ini katanya, mempunyai banyak sumber alam tetapi dalam masa yang sama masih terdapat kemiskinan. Ini disebabkan sumber-sumber itu tidak betul-betul diusahakan.

"Dalam perkara seperti ini, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa tetapi diri sendiri," kata beliau.